- i) Untuk menilai keberkesanan tanah bencah melalui cerapan data kualiti air di lapangan dimana cerapan kepekatan bahan pencemar pada aliran masuk dan aliran keluar tanah bencah.
- ii) Untuk menjalankan permodelan kualiti air iaitu proses penentukuran dan penilaian model di tanah bencah.
- iii) Untuk menilai dan menentukan parameter rekabentuk yang optimum bagi mendapatkan keupayaan penyingkiran bahan pencemar yang melebihi 50% seterusnya nilai parameter rekabentuk yang diperolehi dapat dijadikan panduan bagi rekabentuk tanah bencah pada masa akan datang.

1.3 Keperluan Penyelidikan

Keperluan penyelidikan ini adalah untuk menentukan keupayaan tanah bencah buatan dalam meningkatkan kualiti air larian ribut dan seterusnya mencapai matlamat yang telah ditetapkan dalam Amalan Pengurusan Terbaik dimana ia mementingkan kualiti air yang bersih sebelum ia dilepaskan ke sungai yang berhampiran. Selain daripada itu, permodelan kualiti air turut dijalankan melalui penyelidikan ini untuk mendapatkan model yang sesuai bagi meramalkan kualiti air yang dikeluarkan oleh tanah bencah buatan.

1.4 Skop penyelidikan

Tanah bencah buatan di USM Kampus Kejuruteraan digunakan sebagai kawasan kajian untuk menentukan dan menilai beberapa parameter kualiti air. Persampelan data kualiti air dilakukan bagi mendapatkan kepekatan parameter kualiti air di bahagian aliran masuk dan aliran keluar tanah bencah. Seterusnya model PREWET dan WMod akan digunakan untuk mendapatkan kepekatan kualiti air pada

bahagian aliran keluar berpandukan kepekatan parameter kualiti air di bahagian aliran masuk. Di dalam kajian ini, beberapa skop telah dikenalpasti dan ditentukan sebagai satu sempadan kepada kajian secara keseluruhannya. Skop kajian adalah seperti berikut:

- i) Kajian ini melibatkan ujian makmal bagi mendapatkan kepekatan kualiti air bagi parameter pH, suhu, TP, DO, kekeruhan, BOD, TSS, kuprum dan COD.
- ii) Kawasan kajian diskopkan kepada tanah bencah buatan yang merupakan salah satu komponen di dalam BIOECODS.
- iii) Parameter kualiti air yang dianalisa dan disimulasi bergantung kepada model PREWET yang digunakan. BOD, TP dan TSS merupakan parameter kualiti air yang dianalisis. Manakala bagi model WMod parameter yang dianalisis ialah TP.

1.5 Ringkasan Tesis

Secara keseluruhannya Tesis ini mempunyai 7 bab di mana Bab 1 menerangkan mengenai latar belakang dan objektif kajian ini dijalankan. Bab 2 pula memberi gambaran secara ringkas mengenai tanah bencah dan penerangan mengenai model komputer yang dibangunkan sebelum ini. Manakala Bab 3 membincangkan mengenai kaedah kajian yang dijalankan. Keputusan yang diperolehi daripada pencerapan data lapangan pula dibincangkan di dalam Bab 4. Seterusnya Bab 5 membincangkan mengenai permodelan bagi model PREWET dan Wmod yang meliputi penentukuran dan penilaian model. Simulasi model menggunakan model PREWET bagi mendapatkan parameter rekabentuk yang sesuai dibincangkan di dalam Bab 6 . Rumusan dan cadangan dibincangkan dalam bab terakhir iaitu Bab 7.

BAB 2

KAJIAN PERSURATAN

2.0 Pengenalan

Tanah bencah berfungsi sebagai satu sistem tapisan dan rawatan untuk air sebelum mengalir masuk ke kawasan tasik atau sungai. Pelbagai definisi dan konsep mengenai tanah bencah diutarakan. Tanah bencah boleh dibahagikan kepada dua keadaan iaitu tanah bencah semulajadi dan tanah bencah buatan. Oleh yang demikian, bab ini akan mengupas dengan lebih mendalam definisi sebenar tanah bencah semulajadi, tanah bencah buatan dan ciri fizikal bagi kedua-dua jenis tanah bencah tersebut. Selain daripada itu, aspek kualiti air yang merupakan aspek penting dalam pembinaan tanah bencah serta kajian yang telah dijalankan sebelum ini berkaitan dengan kualiti air turut dibincangkan di dalam bab ini. Terdapat pelbagai kebaikan yang diperolehi daripada tanah bencah iaitu ia bertindak sebagai kawalan banjir dimana ia berfungsi untuk menakung air larian bagi mengelakkan berlakunya banjir di kawasan yang berhampiran. Ia juga menjadi salah satu cara untuk mengawal kualiti air yang memasukinya sebelum dilepaskan ke sungai melalui kehadiran tumbuhan yang terdapat di dalam tanah bencah tersebut.

Keberkesanan tanah bencah buatan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti struktur tanah bencah tersebut, keadaan hidrologi, iklim, tanah, tumbuhan mikrofit dan peratus kawasan tadahan yang tidak telap (Shutes, 2001; Carleton et al., 2001). Manakala Zhang et al. (2009) menyatakan bahawa keberkesanan tanah bencah buatan di pengaruhi oleh rekabentuk sesebuah tanah bencah, peranan tumbuhan mikrofit dan kesan iklim.

2.1 Tanah Bencah Semulajadi

Tanah bencah semulajadi boleh didefinisikan kepada kawasan semulajadi yang berair dan samaada air di dalamnya pegun atau mengalir pada kedalaman tidak melebihi 6 meter (Ho, 2000). Selain itu, tanah bencah juga boleh ditakrifkan sebagai tanah yang mengandungi air dan ia menjadi faktor utama dalam menentukan keneutralan tanah, jenis tanaman yang sesuai dan komuniti haiwan yang hidup di dalam dan di permukaan tanah bencah (Cowardin et al., 1979). Tanah bencah boleh juga didefinisikan sebagai kawasan peralihan antara kawasan daratan dan kawasan berair (Kivaisi, 2001). Dari segi kejuruteraan, tanah bencah ditakrifkan sebagai tanah peralihan antara tumbuhan dan sistem akuatik di mana terdapat air bumi berhampiran dengan permukaan tanah atau tanah tersebut dilapisi oleh air yang tepu (Richardson, 1995). Selain itu terdapat pendapat yang mentakrifkan tanah bencah sebagai kawasan tanah yang mempunyai aras air yang berdekatan dengan permukaan tanah atau tanah yang sentiasa berada dalam keadaan tepu untuk satu tempoh masa yang lama dan ini boleh dibuktikan melalui aktiviti biologi yang bersesuaian dengan persekitaran (Zoltai, 1998). Secara amnya tanah bencah boleh ditakrifkan sebagai kawasan tanah yang berair dan berfungsi untuk meningkatkan kualiti air.

Tanah bencah terdiri daripada pelbagai jenis dan dikategorikan mengikut nama yang diberikan oleh pihak-pihak tertentu. Jenis ini dinamakan mengikut ciri lanskap dan sumber air. Jenis-jenis tanah bencah yang biasa didapati mengikut pengelasan oleh pihak Jabatan Pelindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat ialah *Bogs*, *Fens*, *Marshes*, dan *Swamps*. Ini dinyatakan di dalam Jadual 2.1 (EPA, 2005).

Jadual 2.1: Jenis Tanah Bencah Mengikut Pengkelasan EPA (sumber: EPA, 2005).

Jenis Tanah Bencah	Ciri	pH Air	Fungsi	Kelebihan
Paya (<i>Bogs</i>)	Dipengaruhi oleh pemendapan akibat daripada penimbunan tanah gambut sedalam lebih daripada 40cm. Menerima sumber air yang banyak daripada air hujan.	Berasid lemah iaitu dengan pH 3-5.	Menghalang banjir melalui penyerapan air hujan.	Terdapat spesis fauna dan flora yang unik di dalamnya.
Paya (<i>Fens</i>)	Tanah gambut yang menerima nutrien dari kawasan saliran dan air bawah tanah tumbuhan yang tumbuh secara selari dan bersudut tegak dengan arah pergerakan air di dalam tanah bencah tersebut menyebabkan ia dikategori sebagai tanah bencah jenis ini.	Kandungan air yang terdapat di dalam tanah bencah ini adalah pH 5 hingga pH 8.	Kawasan tahanan air ribut; mengurangkan risiko banjir, meningkatkan kualiti air dan menyediakan satu habitat untuk komuniti haiwan dan juga tumbuhan.	Kurang berasid, mempunyai kandungan nutrien yang tinggi dan dapat menampung flora dan fauna yang banyak.

Jenis Tanah Bencah	Ciri	pH Air	Fungsi	Kelebihan
Paya (<i>Marshes</i>)	Dikategori berdasarkan tumbuhan lembut yang boleh hidup di dalam keadaan tanah yang berair. Kedalaman yang agak cetek iaitu antara 15cm hingga 90cm.	Nilai pH agak neutral.	Memperlahankan aliran air yang masuk dan meningkatkan kualiti air permukaan melalui pemendapan sedimen.	Digunakan untuk merawat air sisa daripada ladang dan air larian ribut.
Paya (<i>Swamps</i>)	Terbentuk daripada tanah yang berair dan berupaya menakung air untuk satu jangka masa tertentu dalam setahun.	Kandungan airnya terdiri daripada pH neutral iaitu pH 7.2.	Tempat yang sesuai bagi pertumbuhan tumbuhan.	Keadaan tanah yang beroganik di dalam tanah bencah jenis ini membentuk kawasan yang mempunyai kandungan nutrien yang tinggi.

2.2 Tanah Bencah Buatan

Tanah bencah buatan didefinisikan sebagai tanah bencah buatan yang direka menyerupai ciri tanah bencah semulajadi dan digunakan untuk meningkatkan kualiti air larian ribut (Kivaisi, 2001; Mohd Sidek et al., 2001). Tujuan utama pembinaan tanah bencah buatan ialah untuk meningkatkan kualiti air sebelum ia dilepaskan ke sungai yang berhampiran. Air larian ribut yang mengandungi sedimen dan bahan tercemar akan mendap dan diserap oleh tumbuhan mikrofit yang terdapat di dalam tanah bencah buatan dan seterusnya kualiti air akan dapat ditingkatkan apabila tanah bencah tersebut berupaya menakung air untuk satu tempoh masa yang agak lama.


Secara amnya tanah bencah buatan boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu Sistem Air Permukaan Bebas (*FWS*) dan Sistem Aliran Sub Permukaan (*SSF*).

2.2.1 Sistem Air Permukaan Bebas (FWS)

Tanah bencah buatan jenis Sistem Air Permukaan Bebas lebih menyerupai kepada tanah bencah secara semulajadi di mana air di permukaannya terdedah kepada atmosfera. Rajah 2.1 menunjukkan tanah bencah jenis sistem air permukaan bebas. Di bahagian dasar tanah bencah jenis ini, terdapat satu lapisan tanah liat yang berfungsi bagi mengelakkan penyerapan dan sebagai tempat sokongan kepada tumbuhan yang terdapat di dalamnya. Tanah bencah jenis ini mempunyai keluasan dari 1 hingga 1000ha. Keberkesanan tanah bencah jenis ini bergantung kepada saiz tanah bencah, jumlah aliran masuk dan aliran keluar tanah bencah (Schueler, 1996). Di samping itu, tanah bencah jenis ini turut mempunyai struktur kawalan air untuk mengekalkan paras air pada kedalaman yang cetek. Tanah bencah jenis cetek, tanah

bencah sederhana dan tanah bencah jenis kantung merupakan contoh tanah bencah sistem air permukaan bebas (David et al., 2001).


Kelebihan menggunakan sistem ini ialah kosnya yang rendah iaitu dari segi pembinaan, penyelenggaraan dan operasi. Manakala kekurangan bagi sistem ini ialah ia memerlukan satu kawasan yang luas (David et al., 2001).



Rajah 2.1: Tanah Bencah Buatan Jenis Sistem Air Permukaan Bebas (*FWS*) (sumber: David et al., 2001).

2.2.2 Sistem Aliran Sub Permukaan (SSF)

Sementara itu untuk Sistem sub permukaan ia dikenali juga dengan tanah bencah Tumbuhan Separa Tenggelam (*VSB*). Rajah 2.2 di bawah menunjukkan tanah bencah jenis sistem aliran sub permukaan. Rekabentuk bagi tanah bencah jenis ini ialah paras air dikekalkan pada lapisan atas media dan di bahagian dasar tanah bencah jenis ini ia dipenuhi oleh agregat seperti batu dan batu hancur. Bagi sistem ini, satu lapisan tidak telap air diletakkan bagi menghalang penyerapan (David et al., 2001).




Rajah 2.2: Tanah Bencah Buatan Jenis Sistem Aliran Sub Permukaan (SSF).
(sumber: David et al., 2001).

Kelebihan tanah bencah dari jenis ini ialah ia boleh beroperasi di kawasan tanah yang terhad. Kelemahannya pula dari segi kos pembinaan di mana bagi satu unit SSF berharga lebih mahal berbanding dengan satu unit FWS dan ia juga turut menghadapi masalah aliran air yang tersumbat (EPA, 2005).

2.3 Struktur Tanah Bencah Buatan

Berdasarkan Manual Saliran Mesra Alam terdapat tiga jenis zon di dalam tanah bencah buatan (JPS, 2001). Zon-zon tersebut adalah zon aliran masuk (*Inlet zone*), zon mikrofit (*Macrophytes zone*) dan zon air terbuka (*Open water zone*). Zon-zon tersebut ditunjukkan di dalam Rajah 2.3.



Rajah 2.3: Zon-zon Di Dalam Tanah Bencah Buatan (sumber: Metropolitan Council, 2000).

2.3.1 Zon Aliran Masuk (*Inlet zone*)

Zon aliran masuk berfungsi untuk membenarkan air mengalir secara perlahan ke dalam tanah bencah. Objektif utama zon masuk ini ialah mengurangkan halaju dan menahan bendasing dan partikel bersaiz besar. Halaju air bagi kawasan aliran masuk yang dicadangkan ialah kurang daripada 10 cm/s (Giuseppe et al., 2000). Untuk menjadikan zon ini lebih efisien dalam proses penyingkiran partikel kasar, GPT atau perangkap enapan di letakkan di zon ini. Rajah 2.4 menunjukkan zon aliran masuk sesebuah tanah bencah.



Rajah 2.4: Zon Aliran Masuk (sumber: Ian dan Peter, 1998).

2.3.2 Zon Mikrofit (*Macrophytes Zone*)

Terdapat tumbuhan di dalam zon mikrofit yang dipanggil sebagai mikrofit yang membantu menyingkirkan bahan pencemar yang dibawa bersama air ribut dan ia ditunjukkan dalam Rajah 2.5. Salah satu tumbuhan yang terdapat di dalam kumpulan tumbuhan mikrofit adalah *Phragmites*. Zon ini meliputi 10- 30% daripada jumlah keseluruhan kawasan kolam berdasarkan kepada garis panduan rekabentuk yang terdapat di dalam Manual Saliran Mesra Alam yang dikeluarkan oleh Jabatan

Pengairan dan Saliran (JPS, 2001). Kedalaman zon ini adalah antara 0.1m hingga 1.0m kerana tumbuhan mikrofit tidak boleh hidup di dalam paras air yang dalam. Keadaan paras air terlalu dalam atau paras air terlalu cetek, boleh menyumbang kepada kepupusan tumbuhan mikrofit sekaligus mengurangkan keupayaan penyerapan pencemaran. Kesan jangka panjang boleh menyebabkan kemusnahan kepada sesebuah tanah bencah (JPS, 2001).

Selain daripada itu, zon mikrofit juga berfungsi untuk menyediakan sokongan kepada sejenis bakteria yang dikenali sebagai mikrobial untuk menyingkirkan partikel kecil seperti sedimen. Bagi memastikan tumbuhan mikrofit membiak, keadaan air mesti tidak seragam kerana keadaan air yang sedemikian sesuai untuk menggalakkan lagi pertumbuhan mikrofit (JPS, 2001).

Zon mikrofit boleh dibahagikan kepada tiga kawasan yang berbeza iaitu kawasan paya cetek di mana kedalamannya kurang 0.3m, kawasan paya yang kedalamannya antara 0.3m hingga 0.6m dan kawasan paya dalam yang mana kedalamannya ialah 0.6m hingga 1.0m. Setiap kawasan yang terdapat di dalam zon ini akan ditanam tumbuhan mikrofit yang berbeza mengikut jenis kawasan tersebut (Zakaria et al., 2003).



Rajah 2.5: Zon Mikrofit (sumber: Khor, 2002).

Terdapat garis panduan secara umum dan khusus yang telah ditetapkan dalam manual Saliran Mesra Alam yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS, 2001). Pemilihan tumbuhan yang sesuai penting kerana tumbuhan mikrofit yang berperanan untuk menyingkirkan bahan pencemar yang terdapat dalam air larian yang memasuki tanah bencah tersebut. Kriteria umum yang ditetapkan untuk pemilihan tumbuhan mikrofit ialah tumbuhan yang dipilih boleh membesar di dalam kawasan tanah bencah, ketinggian maksimum tumbuhan adalah tetap, boleh menyesuaikan diri dengan keadaan tanah bencah dan tumbuhan yang ditanam tidak bertujuan sebagai habitat pembiakan spesis nyamuk (JPS, 2001).

Manakala kriteria khusus pemilihan tumbuhan mikrofit ialah kebolehan tumbuhan yang dipilih untuk menyesuaikan diri dengan keadaan iklim dan cuaca tempatan, boleh bertoleransi dengan pencemaran dalam air larian ribut, boleh bertahan lama dan boleh membiak dengan lebih cepat. Tumbuhan yang dipilih berdasarkan kawasan yang telah ditetapkan iaitu setiap kawasan mempunyai

tumbuhan yang berbeza mengikut kedalaman air di dalam kawasan tersebut (JPS, 2001).

Penanaman tumbuhan mikrofit di dalam zon ini bergantung kepada saiz dan kematangan tumbuhan tersebut. Bagi tumbuhan mikrofit yang agak matang (1 hingga 2 tahun), penanaman dilakukan dengan jarak satu tumbuhan/meter² manakala bagi tumbuhan yang kecil boleh ditanam 3 tumbuhan/ meter² dan ditanam pada arah yang berserenjang dengan arah aliran. Tumbuhan mikrofit akan bertindak memperlahankan aliran seterusnya berupaya menakung aliran tersebut untuk tempoh masa yang lama dan membantu meningkatkan penyingkiran sedimen (Giuseppe et al., 2000).

2.3.2.1 Kawasan Paya Cetek (Kedalaman Air Kurang Daripada 0.3m)

Kawasan paya cetek merupakan kawasan mikrofit yang mempunyai kedalaman air antara kurang 0.3m dan mempunyai kecerunan yang agak landai iaitu 1:10. Kawasan ini merupakan kawasan pertama di dalam zon mikrofit dan lazimnya aliran di dalam kawasan ini bergantung kepada aliran ribut. Ciri-ciri pemilihan tumbuhan untuk kawasan ini ialah berupaya memperlahankan aliran yang masuk ke dalam kawasan ini dan berupaya mengurangkan pencemaran melalui penyerapan bahan pencemar yang terdapat di dalam air larian ribut (JPS, 2001). Jadual 2.2 menunjukkan jenis tumbuhan yang sesuai untuk ditanam di kawasan paya cetek.

Jadual 2.2: Tumbuhan Bagi Kawasan Paya Cetek (sumber: JPS, 2001).

Nama Botani	Nama Biasa
<i>Eleocharis variegata</i>	Ubi purun
<i>Eriocaulon longifolium</i>	Rumput butang
<i>Fimbristylis globulosa</i>	Rumput sandang
Nama botani	Nama biasa
<i>Fuirena umbellata</i>	Rumput kelulut
<i>Hanguana malayana</i>	Bakong
<i>Limnocharis flava</i>	Keladi itik
<i>Monocharia hastate</i>	Keladi agas
<i>Rynchospora corymbosa</i>	Rumput sendayan
<i>Scleria sumatrensis</i>	Rumput kumba

2.3.2.2 Kawasan Paya Sederhana Dalam (Kedalaman Air Antara 0.3m - 0.6m)

Kawasan kedua di dalam zon mirofit ialah kawasan paya dengan kedalamannya antara 0.3m hingga 0.6m dan kecerunan kawasan ini ialah 1:10. Kawasan ini penting untuk habitat akuatik untuk membentuk kepelbagaian rantai makanan kerana kawasan ini menyediakan habitat kepada haiwan yang terlibat di dalam rantai makanan seperti nyamuk. Ciri-ciri pemilihan tumbuhan bagi kawasan ini ialah tumbuhan terdiri dari jenis separa tenggelam, berupaya untuk bertahan bagi kedalaman air sedalam 0.3m hingga 0.6m dan berupaya untuk mengurangkan pencemaran. Di antara jenis-jenis tumbuhan yang sesuai ditanam di kawasan paya ialah seperti dalam Jadual 2.3 (JPS, 2001).

Jadual 2.3: Tumbuhan Bagi Kawasan Paya Sederhana Dalam (sumber: JPS, 2001).

Nama Botani	Nama Biasa
<i>Eleocharis dulcis</i>	Ubi puron
<i>Fuirena umbellate</i>	Rumput kelulut
<i>Lepironia articulate</i>	Purun
<i>Philydrum lanuginosom</i>	Rumput kipas
<i>Scirpus grossus</i>	Rumput menderong
<i>Scirpus mucronatus</i>	Rumput kercut
<i>Scleria sumatrensis</i>	Rumput sendayan
<i>Typhia augustifolia</i>	Banat

2.3.2.3 Kawasan Paya Dalam (Kedalaman Air Antara 0.6m - 1.0m)

Kawasan ini merupakan kawasan yang paling dalam di dalam zon mikrofit dengan kedalaman antara 0.6m hingga 1.0m dan kecerunannya ialah 1:6. Kawasan ini berfungsi untuk mengurangkan proses pembentukan semula sedimen (*resedimentation*) dan meningkatkan pengoksidaan melalui penyediaan habitat hidupan akuatik yang lebih baik. Pemilihan tumbuhan yang sesuai penting kerana tumbuhan dalam kawasan ini membantu mengukuhkan dasar kolam dan mengurangkan sedimen. Jadual 2.4 menunjukkan pemilihan tumbuhan yang sesuai untuk kawasan paya dalam (JPS, 2001).

Jadual 2.4: Tumbuhan Bagi Kawasan Paya Dalam (sumber: JPS, 2001).

Nama Botani	Nama Biasa
<i>Lepironia articulata</i>	Puron
<i>Phragmites karka</i>	Rumput gedabong
<i>Scirpus grassus</i>	Rumput menderong
<i>Scirpus mucronatus</i>	Rumput kercut
<i>Typha augustifolia</i>	Banat

2.3.3 Zon Air Terbuka (*Open Water Zone*)

Zon air terbuka adalah zon selepas zon mikrofit dan ia merupakan zon terakhir di dalam tanah bencah buatan seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 2.6. Keluasan zon ini lazimnya 25% daripada jumlah keseluruhan tanah bencah. Ia merupakan kawasan air yang dalam dan kedalaman minimum untuk zon ini ialah 2.4m (JPS, 2001). Fungsi utama zon ini ialah menakung air untuk tempoh masa yang tertentu bagi membolehkan partikel halus mendap di kawasan dasar tanah bencah dan membenarkan sinar Ultra Ungu (UV) membunuh mikroorganisma yang terdapat di dalam air. Selain itu, ia turut berfungsi sebagai habitat untuk ikan, burung, katak, kura-kura dan haiwan invertebrata yang lain. Di samping itu, zon ini berpotensi untuk dijadikan tempat melakukan aktiviti rekreasi seperti memancing dan aktiviti berperahu (JPS, 2001).



Rajah 2.6: Zon Air Terbuka (sumber: Ian dan Peter, 1998).

2.4 Rekabentuk Tanah Bencah Buatan

Selain daripada tumbuhan mikrofit yang ditanam, rekabentuk tanah bencah buatan penting untuk memastikan tanah bencah tersebut dapat berfungsi dengan baik dan membantu meningkatkan kualiti air. Mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Manual Saliran Mesra Alam bagi kualiti air, peristiwa ribut rekabentuk tanah bencah ialah 3 bulan ARI (*Average Recurrence Interval*) kerana pada tempoh ini sebanyak 90% daripada jumlah bahan pencemar dibawa dalam air larian ribut (JPS, 2001). Ciri-ciri rekabentuk tanah bencah yang dicadangkan di dalam Manual Saliran Mesra Alam bagi meningkatkan kualiti air seperti di dalam Jadual 2.5.

Jadual 2.5: Rekabentuk Tanah Bencah Buatan Mengikut Manual Saliran Mesra Alam (sumber: JPS, 2001).

Parameter Rekabentuk	Garis panduan
Nisbah panjang dengan lebar	3:1 hingga 5:1
Halaju air	0.05 m/s hingga 0.1m/s
Kedalaman air (purata)	0.5 m
Masa tahanan	3-5 hari

Bagi tanah bencah buatan di USM Kampus Kejuruteraan, rekabentuknya ditunjukkan di dalam Jadual 2.6. Tanah bencah buatan tersebut direkabentuk secara talian tertutup (*off-line*) di mana aliran yang mengalir ke dalam tanah bencah ini di kawal dengan menggunakan struktur hidraulik iaitu orifis yang diletakkan di bahagian masuk tanah bencah untuk memberikan aliran yang lebih seragam. Lazimnya rekabentuk secara talian tertutup digunakan bagi kawasan tadahan yang luas. Kadar alir rekabentuk ialah $0.25 \text{ m}^3/\text{s}$ dengan peristiwa ribut rekabentuk ialah 3 bulan ARI (Zakaria et al., 2003). Manakala halaju maksimum yang dibenarkan masuk ke dalam tanah bencah ialah 0.3 m/s hingga 0.5 m/s dan purata halaju di dalam kawasan tanah bencah ialah antara 0.1 m/s hingga 0.7 m/s bagi mengelakkan tumbuhan mikrofit yang terdapat di dalamnya pupus akibat halaju yang tinggi (Zakaria et al., 2003). Sementara itu, sungai randuk (*wading river*) diletakkan di antara tanah bencah dan kolam rekreasi bagi menghubungkan kedua-dua kawasan itu. Kolam rekreasi yang terletak di bahagian terakhir sistem ini pula, direkabentuk untuk menyediakan air yang bersih bagi tujuan rekreasi di kampus ini (Zakaria et al., 2003).

Jadual 2.6: Rekabentuk Tanah Bencah Buatan Bagi USM Kampus Kejuruteraan (Zakaria et al., 2003).


Parameter	Unit	Rekabentuk
Luas kawasan tadahan	km ²	1.214
Peristiwa rekabentuk ribut (design storm)	-	3 bulan ARI
Panjang (3:1)	m	155
Lebar	m	60
Luas tanah bencah	m ²	9 100
Isipadu	Mℓ	55.5
Rekabentuk kadar aliran masuk	Mℓ /hari	21.6 (0.25 cm ³)
Masa tahanan	hari	3
Cerun untuk dasar tanah bencah (purata)	-	1%

2.5 Proses Olahan Di Dalam Tanah Bencah

Kualiti air larian ribut yang memasuki tanah bencah akan dapat meningkatkan melalui beberapa mekanisme. Di antara mekanisme yang terlibat ialah proses pemendapan partikel yang terampai, proses penyerapan dan pertukaran ion antara tumbuhan mikrofit, tanah dan sedimen serta pengambilan nutrien oleh mikroorganisma dan tumbuhan. Mekanisma-mekanisma yang terlibat boleh dikategorikan kepada penyingkiran secara fizikal, penyingkiran secara kimia dan penyingkiran secara biologikal. Pemahaman yang mendalam mengenai kaedah penyingkiran tersebut akan membantu di dalam proses rekabentuk tanah bencah buatan bagi menghasilkan tanah bencah buatan yang mempunyai kadar penyingkiran bahan pencemar yang tinggi.

2.5.1 Penyingkiran Secara Fizikal

Penyingkiran secara fizikal berkaitan dengan pemendapan sedimen yang terdapat di dalam air larian ribut ke dasar tanah bencha buatan. Proses ini terjadi apabila bahan pencemar yang terdapat di dalam air larian ribut disingkirkan secara efektif apabila mengalir melalui tanah bencha buatan. Air larian ribut yang mengalir melaluinya dengan perlahan disebabkan oleh keadaan kecerunan tanah bencha yang rendah dan terdapat rintangan daripada tumbuhan mikrofit menyebabkan bahan pencemar yang terdapat di dalamnya akan mengalami proses pengendapan. Keberkesanan penyingkiran pepejal terampai bergantung kepada halaju partikel dan panjang tanah bencha tersebut. Halaju partikel yang perlahan akan menyebabkan partikel yang berat akan mendap ke dasar tanah bencha buatan (Donald, 2001; William dan James, 2000).



Rajah 2.7: Proses Penyingkiran Secara Fizikal (sumber: EPA, 1999).

2.5.2 Penyingkiran Secara Biologikal

Proses penyingkiran secara biologikal adalah penting dalam penyingkiran bendasing di dalam tanah bencah. Tumbuhan mikrofit yang terdapat di dalam tanah bencah bersedia untuk menyerap bendasing yang penting seperti nitrat, ammonia, dan fosfat. Walaubagaimanapun, terdapat juga sesetengah tumbuhan tanah bencah yang berupaya menyerap bahan logam seperti kadmium dan plumbum. Kadar penyerapan bendasing adalah bergantung kepada pertumbuhan tumbuhan dan kepekatan bahan pencemaran di dalam tisu tumbuhan tersebut. Kadar pertumbuhan mikrofit yang tinggi akan memberikan kadar penyerapan yang tinggi. Tumbuhan mikrofit menjadi tempat pembiakan alga yang membantu menyingkirkan bendasing seperti nitrat dan fosfat. Selain daripada itu, akar tumbuhan mikrofit turut memainkan peranan dalam proses penyingkiran bendasing dengan kehadiran bakteria pada bahagian akar yang membantu mengangkut oksigen daripada daun tumbuhan tersebut ke bahagian akar (Donald, 2001).

Kajian dilakukan untuk melihat keberkesanan antara tumbuhan *Typha* dan *Scirpus* dalam menyingkirkan ammonia dan mendapati tumbuhan *Scirpus* menyingkirkan lebih banyak ammonia berbanding dengan kawasan yang tiada tumbuhan dan kawasan yang ditanam dengan tumbuhan *Typha*. Melalui pengiraan mengikut keseimbangan jisim nitrogen (*Nitrogen Mass Balance*) membuktikan kadar nitrifikasi yang tinggi bagi *Scirpus* telah berlaku hasil daripada kapasiti pengangkutan oksigen (Donald, 2001; William dan James, 2000).